

Media jadi mata, telinga dunia

TERJEMAHAN petikan teks ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Sidang Kemuncak Media Asia di Kuala Lumpur semalam.



ABDULLAH AHMAD BADAWI

GLOBALISASI, revolusi teknologi maklumat dan komunikasi serta daya tarikan demokrasi turut menjadikan usaha mengendalikan masyarakat pelbagai budaya lebih rumit dalam beberapa hal. Penekanan mengenai hak-hak yang menyebut sedikit sahaja perihal tanggungjawab dan obligasi telah merumitkan lagi usaha memulihara keamanan terutama dalam masyarakat yang politik dan institusinya masih mundur.

Terdapat kecenderungan untuk mendesak satu model yang hendak digunakan pada semua keadaan bagi semua negara.

Malangnya, pendekatan ini meminggirkan sejarah serta keunikan ciri-ciri iklim sosiopolitik. Ia juga mengetepikan keperluan untuk menyesuaikan sistem dengan keperluan serta ciri-ciri setempat sehingga menimbulkan lebih banyak masalah dan bukan membantu menyelesaikannya. Penawar kepada penyakit ini tidak boleh terlalu berat sehingga menjadikan pesakit lebih kritikal malah menemui ajal. Ada pihak yang mendapat gambaran bukanlah sesuatu masalah jika sebuah negara itu menjadi kacau-bilau, jika keamanan terpaksa memberi jalan kepada keganasan dan jika ekonomi hancur semata-mata untuk memperjuangkan jenama demokrasi.

Apabila ini terjadi di negara-negara yang mempunyai masyarakat majmuk, ia sering mengakibatkan perpecahan negara atau kekacauan yang tidak mampu dipertahankan. Malangnya yang menjadi mangsa adalah rakyat iaitu kelompok manusia yang kita mahu tingkatkan kebajikannya.

Seperti yang kita saksikan di Iraq dan Afghanistan, pembinaan bangsa dan negara pada hakikatnya adalah lebih sukar berbanding di atas kertas.

Menguruskan masyarakat yang mempunyai pelbagai budaya, kumpulan etnik dan agama adalah satu tugas yang amat rumit, terutamanya jika asas kepada masyarakat ini masih belum kukuh.

Terus terang saya katakan saya bukanlah pakar dalam perkara ini. Saya tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai bagaimana orang lain respons terhadap cabaran-cabaran yang diajukan oleh masyarakat mereka. Tetapi saya percaya saya tahu serba sedikit bagaimana ia dilaksanakan di negara saya, mengambil kira faktor saya mempunyai kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perkembangan tersebut untuk tempoh empat dekad.

Hari ini, tanggungjawab tersebut beralih kepada saya, di atas meja saya, saya bertanggungjawab terhadap bagaimana kami menangani cabaran-cabaran kepelbagaian budaya, agama dan etnik di negara saya.

Malaysia adalah wadah penyatu kumpulan etnik yang sebenar. Sementara satu kumpulan etnik, bahasa serta budayanya membentuk kumpulan majoriti, kumpulan etnik yang lain dengan bahasa dan budaya masing-masing juga mendapat tempat. Terdapat kira-kira 60 kumpulan etnik, besar dan kecil di Malaysia. Kaum Melayu adalah 54 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini, kaum Cina pula membentuk suku daripadanya, sementara lapan peratus terdiri daripada kaum India dan 12 peratus lagi kumpulan pribumi yang lain.

Kami adalah rumah bagi agama-agama terbesar seperti Islam, Buddha, Kristian dan Hindu. Malaysia juga adalah negara campuran dan pusat pertemuan budaya-budaya penting Asia-Melayu, Cina dan India. Ada juga yang melihat Malaysia sebagai 'suatu mikrokosmos Asia', 'Asia sebenar-benar Asia' seperti yang sering kami katakan. Bagaimanapun kami turut terdedah kepada pengaruh lain-lain budaya tidak kurang juga dari Asia Barat dan Barat.

Melihat kepada potensi campuran yang mampu meledak sebagai cabaran utama, ditambah pula dengan hakikat bahawa kita adalah bangsa yang masih terlalu muda, belum pun berusia lima dekad, konfigurasi wilayah dan perlembagaan politik juga masih terlalu baru. Kita bermula dengan penduduk pendatang yang rasa pertautannya terletak di tempat lain. Status politik mereka ketika negara mencapai kemerdekaan adalah salah satu isu utama yang mendatangkan kesan besar dan perlu diselesaikan.

Ketika itu, terlalu sedikit faktor untuk mengikat rakyat Malaysia supaya bersatu. Kami tidak mempunyai sejarah yang sama dan tidak berkongsi visi untuk sebuah masa depan yang sama. Kami menjalani kehidupan yang berasingan, kaum bumiputera di perkampungan tradisional, kaum Cina di bandar-bandar dan di lombong bijih dan kaum India di ladang-ladang getah. Perbezaan ekonomi menekankan mengenai jurang budaya dan etnik.

Dari sudut politik, kami tidak mempunyai pengalaman untuk bekerjasama sebagai satu entiti yang bebas. Institusi demokrasi merupakan satu jenama baru bagi kami. Budaya politik rakyat Malaysia masih beransur-ansur berkembang. Pemberontakan komunis ketika itu sedang rancak berlaku, menarik minat terutama satu komuniti dan menimbulkan ketegangan di antara lain-lain komuniti.

Dengan latar belakang ini, beberapa pihak memberi kita peluang untuk bertahan dan bukannya berkembang. Kami adalah etnik bom jangka yang menunggu masa untuk meletup. Itu adalah kesukaran yang kamu hadapi 50 tahun lalu. Sejak itu telah berlaku lautan perubahan. Dengan rahmat Tuhan, kami telah berjaya memajukan Malaysia di sebalik perbezaan yang banyak dan besar dalam kepelbagaian agama, etnik dan budaya.

Setiap kumpulan etnik tidak hilang identiti masing-masing, malah menyifatkan diri mereka sebagai rakyat Malaysia. Kini tiada sesiapa pun yang mempersoalkan ketaatan rakyat Malaysia. Sejarah yang kita kongsi bersama sebagai individu yang sama dan satu negara ketika berhadapan dengan masalah-masalah yang tim-

bul membantu kita untuk bersatu. Ia juga membolehkan kita berkongsi visi yang sama untuk masa hadapan.

Pilihan raya umum ke-11 yang baru selesai membuktikan bahawa kami telah matang untuk mencapai kestabilan politik, amalan demokrasi yang aman di mana semua kumpulan bangsa dan agama mengambil bahagian. Tidak ada ubat yang ajaib untuk mengatasi cabaran-cabaran dalam menguruskan masyarakat yang pelbagai, terutamanya apabila sesuatu bangsa itu masih muda dan institusi-institusi masih di peringkat awal pembangunan.

Kesemua jalan penyelesaian mungkin didorong oleh gabungan perancangan yang teliti dan nasib yang baik. Sementara saya percaya Malaysia boleh berbangga dengan beberapa usaha yang membawa kejayaan itu, saya tidak bersedia untuk menyanjikan formula kami kepada sesiapa pun. Apa yang telah menyumbang kepada kejayaan kami mungkin akan gagal apabila ia dilaksanakan di luar konteks rakyat Malaysia. Setiap bangsa mesti memilih jalan yang paling sesuai untuk mereka. Bagaimanapun izinkan saya menggariskan beberapa langkah penting yang telah kami laksanakan untuk memastikan pembangunan dan pertumbuhan negara kami berada di landasan yang betul.

Tugas pertama dan yang paling penting ialah untuk mencapai kesepakatan di kalangan semua kaum tentang rupa bangsa dalam mana kita mahu hidup serta hak dan kewajipan masing-masing yang terkandung di dalamnya. Inilah kontrak sosial kita yang diikrar dalam sebuah perlembagaan yang punya kuat kuasa undang-undang. Suatu kontrak yang dibina atas semangat tolak-ansur. Terdapat komitmen sedar untuk berkongsi kuasa di kalangan semua kumpulan dan antara sebuah pusat persekutuan dengan negeri-negeri.

Pendekatan kami adalah inklusif, memberi kuasa kepada semua etnik dan kumpulan agama, dengan memperuntukkan mereka penyertaan dalam membuat keputusan dan suara dalam mengemudi bersama masa depan negara.

Berkongsi

Barangkali, aspek paling penting dalam kontrak sosial itu ialah persetujuan oleh rakyat pribumi memberikan kerakyatan kepada kaum pendatang Cina dan India. Ini mengubah rupa bangsa ini dari sebuah negara yang asalnya dimiliki penduduk pribumi kepada sebuah yang orang Cina dan India boleh sebut sebagai negara mereka. Kaum Cina dan India kini berkongsi kuasa politik dengan kaum Melayu, dan menganggotai Kabinet Pusat dan majlis eksekutif negeri.

Sebagai balasan, kaum pendatang ini bersetuju tentang hak istimewa ekonomi bagi penduduk pribumi dengan mengambil kira kedudukan mereka yang tidak begitu baik. Ini telah membentuk asas moral, undang-undang, ekonomi dan politik bagi pengagihan polisi-polisi keadilan di negara ini. Inilah dasar-dasar yang kadangkala dikritik kononnya sebagai diskriminasi oleh mereka yang jahil mengenai persetujuan yang dicapai oleh semua pihak dan persekitaran yang mendorong kewujudannya.

Kaum-kaum utama ini turut diberi hak pendidikan dalam bahasa ibunda mereka, tetapi bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah-sekolah kebangsaan, kaum Cina dan India diberi kebenaran untuk mengadakan pendidikan rendah menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Hanya segelintir negara di dunia ini yang mengizinkan kebebasan seumpama ini.

Begitu juga, terdapat kebebasan beragama, semua kaum bebas untuk mengamalkan kepercayaan agama masing-masing, bagaimanapun Islam diberi status sebagai agama rasmi negara.

Untuk menangani politik masyarakat multi etnik, perancangan kami ialah memberi kebebasan kepada rakyat untuk menentukan apa yang terbaik bagi mereka di peti undi. Kami tidak membenarkan politik perkauman.

Sebaliknya kami membenarkan ekspresi yang bertanggungjawab. Kesannya, parti-parti politik kami telah bertukar kepada berasaskan wilayah dan etnik, walaupun separuh daripadanya, 14 yang lebih tepat, telah menganggotai gabungan pelbagai etnik dan bertanding pada pilihan raya sebagai satu parti iaitu Barisan Nasional.

Oleh itu kepentingan yang berasaskan etnik dan wilayah akan dapat diseimbangkan di dalam gabungan ini dan menjadi formula yang sehingga kini telah mencapai kejayaan berterusan.

Saya yakin mana-mana masyarakat terutamanya yang terdiri daripada pelbagai budaya, akan mendapat manfaat besar daripada kontrak sosial ini. Ia menyediakan rangka kerja bagi interaksi politik, sosial dan ekonomi yang dipersetujui bersama oleh semua komuniti. Ia mengurangkan kekeliruan persefahaman dengan pertikaian kepentingan dan membolehkan rakyat memfokus kepada memperbaiki kehidupan mereka, keamanan dan harmoni. Kegagalan untuk meletakkan kepentingan kontrak sosial ini di tempatnya menjadi punca kebanyakan konflik yang melanda beberapa negara-negara di seluruh dunia.

Pengalaman Malaysia iaitu pelaksanaan strategi inklusif, penyertaan, menghormati hak-hak sah semua etnik, agama dan kumpulan budaya, dan pengiktirafan kedudukan istimewa kumpulan pribumi, adalah formula terbaik untuk menguruskan kepelbagaian ini.

Kami mungkin bernasib baik kerana nilai, sikap dan karakter rakyat kami mempunyai kaitan dengan kemampuan mereka untuk mencapai persepakatan. Seperti di kebanyakan masyarakat, kami juga mempunyai 'golongan pinggiran yang bercanggah dengan aliran masyarakat', tetapi orang-orangnya bersikap sederhana, menghormati dan saling menerima. Mereka semua patuh kepada undang-undang dan menghargai keamanan. Mereka juga pragmatik, dan bersedia untuk bekerjasama demi kepentingan yang lebih besar. Malah mereka yang mempunyai spektrum ideologi yang berbeza juga bersedia untuk menerima proses politik demokratik, yang akhirnya, ia meyakinkan terhadap masa depan negara.

Kontrak sosial akan gagal jika ia tidak diperkukuhkan lagi dengan pertumbuhan ekonomi. Perbezaan pendapatan antara pelbagai komuniti adalah tidak sihat bagi keharmonian bersama. Kegagalan menangani isu ini adalah alasan utama teretusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, satu kejadian yang hampir-hampir memusnahkan negara.

Sejak itu, dasar untuk membasmi kemiskinan tanpa mengambil kira kaum begitu juga usaha mengecilkan jurang antara bumiputera, yang merupakan penduduk pribumi serta lain-lain komuniti, telah menjadi ciri-ciri utama strategi pembangunan Malaysia. Dasar-dasar ini dilaksanakan dalam konteks untuk meluaskan ke ekonomi, oleh itu bantuan bagi komuniti yang lemah akan ditanggung oleh komuniti yang lebih berkemampuan.

Dasar pengagihan yang dilaksanakan oleh kerajaan mempunyai beberapa kelemahan. Bantuan yang tidak dikawal serta tidak memilih bulu akan mewujudkan satu kelompok rakyat yang bergantung kepada subsidi selama-lamanya. Bagaimanapun, sedikit sebanyak dasar-dasar kami telah terbukti berjaya dan membantu mengurangkan ketegangan antara komuniti.

Sebagaimana yang telah dibuktikan di lain-lain tempat, kami mendapati pertumbuhan ekonomi dan yang lebih penting, perkongsian adil hasil pertumbuhan ekonomi secara adil telah memberi kesan positif terhadap kestabilan masyarakat pelbagai budaya. Ia menyediakan suasana kondusif bagi keharmonian sosial. Perkembangan ekonomi selama tiga dekad jua menjadi amat kritikal kepada usaha pembinaan negara kami. Kami telah berjaya mengelak daripada keadaan ekonomi yang sukar sehingga membiakkan permusuhan dan konfrontasi di antara kumpulan.

Instrumen ketiga dalam usaha kami untuk mewujudkan masyarakat pelbagai budaya yang kukuh dan makmur adalah menerusi pendidikan. Kami telah menetapkan beberapa matlamat penting.

Seseorang harus menyemai suatu kesedaran kebangsaan yang sama sebagai rakyat Malaysia yang mengajuk identiti etnik, agama dan wilayah tanpa menjejaskan kedudukan komponen-komponen itu.

Seperkara lagi ialah menanamkan nilai, sikap serta tata laku yang menyokong masyarakat pelbagai budaya yang sihat. Ini termasuk saling faham memahami, saling hormat menghormati, menghargai hak-hak asas semua orang, pendekatan yang demokratik, aman dan sederhana ke arah menyelesaikan perbezaan-perbezaan yang wujud. Matlamat ketiga proses pendidikan ini adalah untuk mempromosikan keharmonian antara etnik dan agama melalui dasar sosialisasi.

Kita masih belum berjaya sepenuhnya dalam mencapai kesemuanya matlamat ini. Aliran pendidikan yang selari, masing-masing memenuhi keperluan sesuatu kaum boleh membawa kepada perpecahan. Bagaimanapun kita akan terus mencari jalan memupuk interaksi dan perpaduan secara kreatif dan berdaya mahu dari segi politik. Benih-benih perpaduan kebangsaan mesti ditanam di kalangan generasi muda. Mereka, mengatasi lain-lain kumpulan, mesti dididik dan diyakinkan mengenai manfaat-manfaat daripada wujudnya suasana aman.

Saya juga akan menonjolkan satu lagi dimensi penting dasar-dasar kami untuk menghadapi cabaran dalam masyarakat pelbagai budaya. Ia adalah kekangan dan penggunaan langkah-langkah keselamatan secara bertanggungjawab untuk memastikan suasana aman. Masyarakat pelbagai budaya yang terdedah kepada tekanan-tekanan agama dan etnik amat memerlukan langkah keselamatan ini.

Terdapat juga masyarakat yang mengambil pendekatan yang agak relaks dan tidak kisah dalam mengurus dan pencegahan konflik. Mereka boleh bertolak ansur terhadap rusuhan kaum tanpa menganggap perlunya diambil langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Kejadian yang mengakibatkan beberapa ratus kematian dipandang ringan, tanpa menimbulkan kegelisahan atau berusaha memperkenalkan langkah-langkah jangka panjang bagi mengelak tragedi berkenaan berulang.

Malaysia bukan salah satu daripada negara-negara sedemikian. Kita dilahirkan dalam 'suatu wadah konflik', di tengah-tengah pemberontakan bersenjata yang hampir-hampir menyebabkan kita tersungkur, kita telah menjadi terlalu lemah kepada konflik etnik. Rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 adalah amat traumatik. Oleh itu kami langsung tidak bertolak ansur ke atas esktrémisme etnik dan agama yang menggugat keamanan dan kebajikan rakyat kita. Kita menganggap

berlebih-lebihan dalam etnik dan agama amat bahaya, kerana ia mempunyai kecenderongan menyemarakkan perasaan yang kuat dan sukar untuk dikawal apabila ia sudah mengakar. Kerosakan politik, sosial dan ekonomi yang berpunca daripada itu menjadi bencana besar dan berlerutan lama selepas kejadian itu berlaku.

Oleh itu kita mengadakan undang-undang ketat dan sesetengahnya bersifat mengekang. Sekalipun kita lebih suka tidak mengadakannya, kita tidak perlu meminta maaf kerananya. Undang-undang ini telah dimaktub menerusi proses demokrasi dan sah. Berbeza dengan beberapa kritikan, undang-undang kami dan kekangan-kekangan yang dilaksanakan ke atas kebebasan asasi ini adalah sejajar dengan standard hak asasi manusia sejagat yang diiktiraf. Hak-hak yang kami jejkankan adalah diizinkan sepenuhnya di bawah undang-undang hak asasi antarabangsa. Kekangan-kekangan ke atas hak asasi dilaksanakan secara saksama dan bertanggungjawab, dan ia hanya dilaksanakan apabila terdapat ancaman terhadap keselamatan awam, moral awam dan keselamatan negara. Kita didorong oleh kesungguhan politik yang kukuh untuk memulihara perpaduan nasional.

Semua yang kami ada dan kami rancangkan untuk masa hadapan adalah bersandarkan kepada keyakinan bahawa kami mampu menjaga negara kami bersama-sama.

Berterusan

Saya berpijak pada realiti mengenai masa depan. Saya tidak berpura-pura bahawa kami mempunyai semua jawapan. Cara kami jauh daripada sempurna, dan perlu dikaji dan diperbaiki secara berterusan. Kami mesti terpelihara daripada merasa selesa dan sentiasa menangani perkara-perkara yang menjadi cabaran kepada kita. Bangsa yang lebih tua daripada kita dan masyarakatnya yang lebih padu dan selamat secara mendadak menyedari bahawa mereka sesungguhnya tidak kebal. Sesetengah negara pelbagai etnik yang pada satu ketika stabil dan dianggap model bagi negara lain kini terjerumus ke dalam kancah perang berlarutan yang menghancurkan, sementara sesetengahnya pula sering terdedah kepada keganasan kaum dan puak, dan ada pula yang berpecah belah.

Pada fikiran saya, media mempunyai peranan yang tepat untuk memberi sumbangan positif dalam proses mendekati manusia. Media memainkan peranan sebagai mata dan telinga dunia, membolehkan orang ramai mempunyai akses terus kepada peristiwa-peristiwa yang terjadi beribu-ribu batu jaraknya. Pemberitaan yang dibuat secara dalam pasukan yang melakukan peristiwa dan liputan yang disiarkan secara berterusan sepanjang masa menanamkan imej-imej yang kuat di dalam otak dengan membentuk persepsi dan pandangan-pandangan. Jelas, media moden mempunyai suatu capaian yang besar dan mempunyai kemampuan yang tidak ada tolok bandingnya untuk mempengaruhi hati dan minda orang ramai.

Saya percaya jangkauan dan pengaruh ini boleh digunakan secara efektif, iaitu menyiarkan kebenaran secara adil dan komprehensif, mendidik mengenai nuansa dan ketakketaraan yang wujud dalam dunia nyata. Jangkauan serta pengaruh ini boleh membawa persefahaman dan membangunkan empati.

Sebaliknya, melihat pihak lain melalui kaca mata songsang, tanpa mengambil kira latar belakang atau konteks akan hanya menambahkan jarak antara rakyat dan menjurangkan lagi retak-retak dalam komuniti.

Bagaimanapun dalam analisis terakhir, rakyatlah yang menjadi penentu. Merekalah yang akan menentukan sama ada masyarakat pelbagai budaya mampu bertahan dan berkembang. Nilai mereka, persepsi mereka, prinsip serta prejudis mereka, dan impian serta aspirasi adalah untuk mereka dan juga bangsa mereka, yang akan mencorakkan bentuk dunia yang mereka tinggal di dalamnya. Sama ada mereka belajar untuk hidup bersama dalam suasana stabil dan harmoni atau musnah bersama dalam perselisihan dan kerosakan.